

04/05/1999

Ramai lagi kroni Anwar hidup mewah

KUALA LUMPUR, Isnin - Ramai lagi kroni Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi mewah apabila mendapat pelbagai projek dan syarikat termasuk dalam sektor kewangan, media dan industri makanan segera.

Walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, setakat ini cuma mendedahkan seorang kroni Anwar memiliki wang RM230 juta, pemerhati percaya ramai lagi yang menikmati kekayaan hasil hubungan rapat dengan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Pada sidang akhbar di Alor Star, semalam, Dr Mahathir berkata, kroni Anwar yang memiliki wang RM230 juta itu adalah bekas pemimpin Umno yang terbabit dalam percubaan menggulingkannya sebagai Perdana Menteri ketika Perhimpunan Agung Umno, tahun lalu.

Pada perhimpunan itu juga Umno terpaksa mengeluarkan senarai penerima projek penswastaan, nama syarikat pengambilalih atau konsortium terbabit dan pemegang saham utamanya bagi mengelakkan kerajaan dituduh mengamalkan nepotisme dan kronisme.

Projek itu dikategorikan dalam dua bahagian mengandungi maklumat asas dan kelulusan prinsip projek penswastaan, diperolehi daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.

Senarai penerima projek di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) turut diedarkan. Bagaimanapun, senarai penerima projek di bawah Kementerian Kewangan tidak dikeluarkan.

Isu nepotisme dan kronisme mula dicetuskan bekas Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid mendakwa nepotisme dan kronisme diamalkan dalam pemberian sesetengah projek penswastaan. Berikutan itu, media asing dan pihak pembangkang juga menuduh kerajaan melakukan amalan itu.

Sementara itu, Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, yang ditemui pemberita di lobi Parlimen hari ini, meminta Dr Mahathir mendedahkan identiti kroni Anwar yang mempunyai wang RM230 juta, selaras dasar pemerintahan telus yang didokong kerajaan.

Beliau berkata, tindakan itu akan memperjelaskan keadaan sebenar bagi mengakhiri pelbagai spekulasi serta tuduhan rambang yang semakin berleluasa akhir-akhir ini.

"Sejak pemecatan Anwar, bermacam-macam tuduhan dan fitnah dilemparkan secara terbuka atau menerusi Internet mengenai beberapa pemimpin Umno lain, termasuk saya sendiri," katanya.

(END)